

SK CATHOLIC ENGLISH (M) KUCHING
PENDIDIKAN MORAL TAHUN 4

PdPR Minggu 21 Khamis 1^{hb} Julai 2021

UNIT 10 KEJUJURAN

Kejujuran Mengeratkan Hubungan Kejiranan
Kejujuran Terhadap Jiran

Disediakan oleh Cikgu Hamisah

Baca dan fahami dialog.

James, Agus dan Sarah berbual-bual di kawasan kejiranan.

James: Saya dan Agus hendak menolong jiran kita, iaitu Pak Cik Halim mengutip buah durian di dusunnya. Kami minta diri dahulu.

Sarah: Baiklah, James. Nanti saya dan Yaviarani ke dusun untuk berjumpa dengan kamu.

Situasi di dusun Pak Cik Halim.



James: Agus, itu bunyi buah durian gugur. Mari kita kutip buah itu.

Agus: Baiklah, James.

James: Eh, bukankah itu David, jiran kita?

Agus: Yalah. Dia mengambil buah durian tanpa kebenaran. Kita patut memberitahu Pak Cik Halim.

James: Ya, kita patut bercakap benar kepada Pak Cik Halim.

- ◆ Mengapakah Agus tidak membenarkan Sarah dan Yaviarani makan durian?
- ◆ Apakah kesan jika kamu tidak bercakap benar terhadap jiran?
- ◆ Apakah perasaan kamu setelah bersikap jujur terhadap jiran?

Sarah dan Yaviarani berjumpa James dan Agus di dusun.



Sarah: James, Agus! Banyaknya buah durian yang kamu kutip. Bolehkah kami makan buah durian ini?

Yaviarani: Tidak boleh. Buah durian ini kepunyaan Pak Cik Halim. Kita patut meminta izin jika hendak makan.

Pak Cik Halim datang untuk mengambil buah durian di dusun.



James: Pak cik, kami ternampak David mengambil buah durian.

Pak Cik Halim: Patutlah buah durian selalu hilang. Terima kasih kerana memberitahu. Ambillah duit ini kerana kamu berdua bersikap jujur dan menolong pak cik.

Agus: Tidak mengapa, pak cik. Kami ikhlas.

Pak Cik Halim: Jika begitu, mari kita makan durian ini bersama-sama.

- Bimbing murid menjalankan aktiviti main peranan.
- Bimbing murid mengenal pasti perlakuan jujur dalam cerita.



1. Mengapakah Agus tidak membenarkan Sarah dan Yaviarani makan durian?

2. Apakah kesan jika kamu tidak bercakap benar terhadap jiran?

3. Apakah perasaan kamu setelah bersikap jujur terhadap jiran?



Semasa pulang dari sekolah, kamu ternampak kawan-kawan memetik buah mangga di rumah jiran. Mereka memberikan buah mangga itu kepada kamu.

Tindakan jujur kamu:

Perasaan kamu apabila bersikap jujur:



Kamu sedang membaca buku cerita yang dipinjam daripada jiran. Chinda, kawan baik kamu ingin meminjam buku cerita itu.

Tindakan jujur kamu:

Perasaan kamu apabila bersikap jujur:



Kamu ternampak jam tangan milik jiran tercicir di kawasan kejiranan.

Tindakan jujur kamu:

Perasaan kamu apabila bersikap jujur: